

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [ TENOM ]**

**TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa anggaran kerugian yang dialami oleh Petronas dan apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan bagi membantu Syarikat Petronas yang dikatakan menghadapi rampasan aset oleh Kerajaan Sementara Sudan baru-baru ini.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. PETRONAS baru-baru ini telah mengumumkan prestasi kewangan dan operasinya bagi suku kedua dan separuh pertama tahun kewangan 2021, dengan pendapatan dan keuntungan bersih Kumpulan Syarikat (*PETRONAS Group*) mencatatkan peningkatan berbanding pada tempoh yang sama pada tahun 2020. Pendapatan atau *revenue* kumpulan PETRONAS pada separuh pertama tahun 2021 mencatatkan peningkatan 17 peratus kepada RM109.6 bilion berbanding RM93.6 bilion pada separuh pertama tahun 2020, sebahagian besarnya berikutan purata harga direalisasikan yang baik untuk produk utama dan impak

jualan yang lebih tinggi, terutamanya dalam jualan gas asli cecair (LNG) dan gas asli.

2. Pada masa yang sama, keuntungan lepas cukai atau *profit after tax* (PAT) turut meningkat lebih 100 peratus kepada RM18.9 bilion berbanding kerugian bersih sebanyak RM16.5 bilion dalam tempoh sama tahun lepas. Sepertimana semua sedia maklum, tahun 2020 merupakan tahun yang amat mencabar bagi sektor minyak dan gas berikutan impak daripada pandemik COVID-19 dan sekatan pergerakan serta perjalanan yang menyebabkan kemerosotan drastik terhadap permintaan dan harga minyak mentah dunia. Dalam hal ini, prestasi kewangan kebanyakan syarikat minyak dan gas global termasuk PETRONAS turut terkesan akibat pandemik ini.

3. Mengenai keadaan di Sudan, PETRONAS menekankan bahawa syarikat masih mempunyai hak milik ke atas tanah dan aset Kompleks PETRONAS di Khartoum yang diperolehi berlandaskan perundangan yang sah. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra) telah bekerjasama dengan PETRONAS untuk menyelesaikan isu ini dengan Kerajaan Sudan menerusi saluran diplomatik dua hala.

4. Walau bagaimanapun, memandangkan isu ini masih berlarutan dan belum dapat diselesaikan, PETRONAS telah memfailkan permintaan bagi proses timbang tara di *International Center of Settlement of Dispute* (ICSID). Kerajaan tidak dapat memberikan maklumat lanjut mengenai isu ini memandangkan proses perundangan masih dalam pelaksanaan.

Sekian, terima kasih.